



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

PERSIAPAN LOGISTIK BERJALAN LANCAR, PPJ SEDIA TERIMA RIBUAN PENGUNJUNG SEMPERA HARI KEBANGSAAN 2023

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2023 – PPj menjangkakan kehadiran fizikal seramai 100,000 orang warga Lembah Klang dan seluruh rakyat Malaysia di Dataran Putrajaya tahun ini. Selepas tahun 2003, 2005, 2018 dan 2019, sambutan kali ini merupakan kali ke-5 yang akan diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini. Sehingga hari ini, kerja-kerja persiapan logistik telah berjalan dengan lancar dan mencapai 99% bagi penyediaan tapak untuk acara sambutan nanti.

Antara kemudahan yang disediakan untuk pengunjung yang berhasrat untuk datang ke Dataran Putrajaya adalah sebanyak 50 bas perantara (*Shuttle Bus*) yang dikelola oleh Rapid Bus Sdn Bhd (40 buah) dan Perkhidmatan Bas NadiPutra (10 buah) sewaktu hari sambutan iaitu pada 31 Ogos nanti.

Perkhidmatan pengangkutan ini disediakan secara PERCUMA dari 2 lokasi seperti berikut:

a) Laluan 1 (Zon A):

- Lokasi mengambil penumpang (*pick-up point*):
Terminal Putrajaya Sentral (TPS), Presint 7
- Lokasi menurunkan penumpang (*drop-off point*):
Jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 3 (Kiblat Walk/Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin)

b) Laluan 2 (Zon B):

- Lokasi mengambil penumpang (*pick-up point*):
Lobi Utama, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Presint 5

- Lokasi menurunkan penumpang (*drop-off point*):
Jalan Tun Hussein, Presint 3 (Belakang Istana Kehakiman)

Waktu Operasi bas perantara (*Shuttle Bus*) telah diselarikan dengan waktu operasi MRT Putrajaya iaitu bermula jam 4.00 pagi – 2.00 petang. Kadar kekerapan adalah pada selang masa 10 minit (waktu puncak 4.00 pagi – 8.30 pagi dan 10.30 pagi – 2.00 petang), manakala bagi bukan waktu puncak adalah pada selang masa 30 minit.

Untuk memastikan kelancaran perjalanan bas perantara tersebut, satu (1) lorong paling kiri di Lebuhraya Wawasan, Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Tun Hussein akan dijadikan sebagai Laluan Khas Bas. Sehubungan dengan itu, pengunjung dinasihatkan untuk tidak mengguna dan meletak kenderaan di laluan tersebut.

Manakala bagi penduduk di Putrajaya, laluan operasi harian Perkhidmatan Nadiputra adalah seperti berikut:

a) Laluan P101:

Semua Penduduk di Presint 10, 11, 14 dan 15 adalah digalakkan menggunakan Perkhidmatan Nadiputra dengan menaiki bagi bas laluan P102 dan P103 dan transit laluan P101 di Hub Transit Bas Nadiputra, Kompleks E untuk menuju ke lokasi sambutan di Presint 3.

b) Laluan P106:

Manakala penduduk di Presint 16, Presint 17, dan Presint 18 pula adalah digalakkan menggunakan Perkhidmatan Nadiputra dengan menaiki bas laluan P106 untuk ke lokasi sambutan di Presint 3.

Perkhidmatan Nadiputra adalah PERCUMA mulai jam 6.00 pagi sehingga 2.00 petang dengan kekerapan perjalanan selama 20 minit.

Bagi pengunjung yang datang membawa kenderaan masing-masing dan ingin berjalan kaki ke tempat perarakan, sebanyak 7,652 petak Tempat Letak Kenderaan (TLK) akan disediakan. Di samping itu, pengunjung yang ingin menggunakan perkhidmatan bas perantara (*Shuttle Bus*) boleh memilih untuk meletak kenderaan di lokasi TLK berdekatan yang terletak di dua (2) *pick up point* iaitu:

a) Terminal Putrajaya Sentral (TPS):

- Bangunan Park & Ride Presint 7 – 1,300 petak; dan
- TLK Terbuka Lot 7MD6, Presint 7 - 290 petak;

b) Putrajaya International Convention Centre (PICC):

- Aras Basement Bangunan PICC, Presint 5 - 1,100 petak;
- TLK Terbuka di University Heriot Watt, Presint 5 - 300 petak; dan
- TLK Terbuka di Taman Empangan, Presint 5 - 50 petak.

Selain itu, sebanyak 27 lokasi tempat letak kereta awam berdekatan tapak sambutan dibuka kepada orang awam secara percuma dengan anggaran 4,000 lot petak di sepanjang *core island* di Presint 1, 2, 3 dan 4. Orang awam dinasihatkan untuk meletakkan kenderaan dengan lebih awal bagi mengelak sebarang kesulitan disebabkan laluan masuk ke *core island* akan ditutup pada jam 5.00 pagi.

Kepada pengunjung yang ingin menunaikan solat Subuh di Putrajaya, selain Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Presint 3, kemudahan surau juga tersedia di aras 1 TPS dan aras concourse PICC khususnya bagi mereka yang menggunakan kawasan TLK dan bas perantara di lokasi tersebut.

Beberapa jalan menghala ke lokasi sambutan Hari Kebangsaan 2023 di Putrajaya akan ditutup sementara bagi menjamin kelancaran acara sambutan pada 31 Ogos ini. Jalan-jalan yang akan ditutup adalah seperti berikut:

1. Persiaran Perdana dari Bulatan Putra
2. Lebuh Saujana ke Persiaran Perdana dan ke Lebuh Wadi Ehsan
3. Lebuh Wawasan ke Simpang Empat Kastam (Persiaran Perdana)
4. Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan

5. Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
6. Jln P3F ke Persiaran Perdana
7. Jln P2K ke Persiaran Perdana
8. Jln P3C ke Persiaran Perdana
9. Jln P2S ke Persiaran Perdana
10. Jln P2W ke Persiaran Perdana
11. Jln P2P ke Persiaran Perdana
12. Lebu Setia ke Persiaran Perdana
13. Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
14. Jln Tun Hussein ke Lebu Bestari
15. Persimpangan Lebu Saujana / Persiaran Perdana
16. Lebu Wadi Ehsan ke Persiaran Perdana

Pada 31 Ogos 2023 (Hari Kebangsaan) pula, selain jalan-jalan yang ditutup bagi sesi raptai, terdapat tambahan bagi jalan yang akan ditutup iaitu melibatkan jalan-jalan seperti berikut:

1. Persiaran Perdana ke Laman Perdana
2. Lebu Saujana ke Simpang Empat Kastam (Persiaran Perdana)
3. Lebu Saujana ke Persiaran Perdana
4. Lebu Bestari ke Persiaran Perdana
5. Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan
6. Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
7. Jln Tuanku Abd Razak ke Lebu Wawasan
8. Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Lebu Wawasan
9. Jln P3F ke Persiaran Perdana
10. Jln P2K ke Persiaran Perdana
11. Jln P3C ke Persiaran Perdana
12. Jln P2S ke Persiaran Perdana
13. Jln P2W ke Persiaran Perdana
14. Jln P2P ke Persiaran Perdana
15. Lebu Setia ke Persiaran Perdana

16. Dari Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Bulatan Putra
17. Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
18. Jln Tun Hussein ke Lebu Bestari
19. Persimpangan Lebu Saujana / Persiaran Perdana
20. Lebu Sentosa ke Persiaran Perdana
21. Lebu Wadi Ehsan ke Persiaran Perdana

Walaupun bagaimanapun, bagi memudahkan urusan orang ramai jalan-jalan alternatif turut dicadangkan di mana lencongan jalan akan bermula pada 27 Ogos hingga 29 Ogos 2023 (latihan dan raptai) iaitu seawal jam 5.00 pagi hingga 11.00 pagi dan ia melibatkan 18 jalan-jalan seperti berikut:

1. Jln Perdana dari Bulatan Putra
2. Lebu Saujana ke Persiaran Perdana
3. Lebu Wawasan ke Lingkaran Gemilang 1
4. Lebu Bestari ke Persiaran Perdana
5. Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan
6. Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
7. Jln P3F ke Persiaran Perdana
8. Jln P2K ke Persiaran Perdana
9. Jln P3C ke Persiaran Perdana
10. Jln P2S ke Persiaran Perdana
11. Jln P2W ke Persiaran Perdana
12. Jln P2P ke Persiaran Perdana
13. Lebu Setia ke Persiaran Perdana
14. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Bulatan Putra
15. Lebu Setia ke Jalan Perdana
16. Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
17. Jln Tun Hussein ke Lebu Bestari
18. Persimpangan Lebu Saujana / Persiaran Perdana

Pada 31 Ogos 2023 (Hari Kebangsaan) pula, lencongan jalan akan dilaksanakan juga bermula jam 5.00 pagi hingga 11.00 pagi (acara perarakan dijangka selesai). Berikut adalah jalan-jalan yang direncanakan berlakunya lencongan:

1. Persiaran Perdana dari Bulatan Putra
2. Lebuh Wawasan ke Persiaran Perdana
3. Lebuh Saujana ke Persiaran Perdana
4. Lebuh Bestari ke Persiaran Perdana
5. Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan
6. Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
7. Jln Tun Abd Razak ke Lebuh Wawasan
8. Jln Tuanku Abd Rahman ke Lebuh Wawasan
9. Jln P3F ke Persiaran Perdana
10. Jln P2K ke Persiaran Perdana
11. Jln P3C ke Persiaran Perdana
12. Jln P2S ke Persiaran Perdana
13. Jln P2W ke Persiaran Perdana
14. Jln P2P ke Persiaran Perdana
15. Lebuh Setia ke Persiaran Perdana
16. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Dataran Putra
17. Lebuh Setia ke Persiaran Perdana
18. Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
19. Jln Tun Hussein ke Lebuh Bestari
20. Persimpangan Lebuh Saujana/ Persiaran Perdana
21. Lebuh Sentosa ke Persiaran Perdana
22. Lebuh Wadi Ehsan ke Persiaran Perdana

Bagi memastikan keselamatan dan kelancaran lalu lintas, pihak PDRM telah mengatur dan menugaskan seramai 416 anggota yang terdiri dari 27 pegawai dan 289 anggota dari JSPT Kuala Lumpur. Pasukan ini turut dibantu oleh seramai 50 orang anggota Penguat Kuasa PPj.

Orang ramai turut digalakkan untuk mendapatkan sebarang pemakluman dan info terkini berkenaan pengangkutan awam yang disediakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023 melalui media sosial rasmi merdeka360 <https://www.facebook.com/HariKebangsaanHariMalaysia> dan juga Perbadanan Putrajaya <https://www.facebook.com/putrajaya>



(SHAMSHUL JOEHARI BIN ZAINAL MOKHTAR)
Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 29 Ogos 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564

LAMPIRAN

MALAYSIA MADANI

Selamat Menyambut HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2023

PELAN TAPAK SAMBUTAN

LEGEND:

- KEMAH TERBUKA
- KEMAH LUBIS SETIA (PDRM, PTM, ATM)
- LOKASI TEMBARAN MERIAM
- LOKASI SIMPANNAN ASSET ATM & PDRM
- LOKASI ASSET HODUP
- LALUAN PENGARAF LALUAN ASSET DAN VETERAN
- MELIC
- FOOD TRUCK
- BENDERA
- TEMPAT DUDUK AWAM BERTINGKAT (TANGGA KAMBING)
- TANDAS
- FAMERAN GLC
- BARRICADE
- BAS - PARKING FEEDER BUS
- TEMPAT LETAK KERETA
- TAPAK PENJAJA

SOCIAL MEDIA:

- #HKBH2023
- #MardakaSBU
- #MalaysiaMADANI
- #TekadPerpaduan
- #PenuhHarapan
- #MalaysiaMERDEKA

CONTACT: @msdewa350



Selamat Menyambut
**HARI KEBANGSAAN
DAN HARI
MALAYSIA
2023**



PERCUMA

**PERKHIDMATAN
"SHUTTLE BUS"
HARI KEBANGSAAN 2023
(31 OGOS 2023)**

LOKASI PICK UP/DROP OFF DISEDIAKAN DI 2 LOKASI:

ZON	LALUAN	PICK UP POINT	DROP OFF POINT
A	MS01	LOBI MRT TERMINAL PUTRAJAYA SENTRAL (TPS), PRESINT 7	JALAN TUN ABDUL RAZAK, KERLAT WALK, PERBADANAN PUTRAJAYA (PP), PRESINT 3
B	MS04	LEVEL MEZZANINE, LOBI UTAMA PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC), PRESINT 5	JALAN TUN HUSSEIN, (SEBLAKANG ISTANA KEHAKIMAN), PRESINT 3

MASA OPERASI | 4 PAGI HINGGA 2 PETANG

Kekerapan (10 minit) (Waktu Puncak)
4.00 hingga 8.00 pagi | 10.30 hingga 2 Petang

Kekerapan (30 minit) (Waktu Bukan Puncak)
8.01 hingga 10.29 pagi

#HKHM2023
#Merdeka360
#MalaysiaMADANI
#TekadPerpaduan
#PenuhiHarapan
#MalaysiaMERDEKA

f @ merdeka360



31
OGOS
2023

7.00 pagi

Dataran Putrajaya



**MALAYSIA
MADANI**




Selamat Menyambut
**HARI KEBANGSAAN
DAN HARI
MALAYSIA
2023**




JUMLAH & LOKASI TEMPAT LETAK KERETA AWAM HARI KEBANGSAAN 2023

- 1) 27 lokasi tempat letak kereta awam di sepanjang core island di Presint 1, 2, 3 dan 4 - 4,000 petak
- 2) Pick Up Zon di Terminal Putrajaya Sentral
 - (i) Bangunan Park & Ride Presint 7 - 1,300 petak
 - (ii) TLK Terbuka Lot 7MD6, Presint 7 - 290 petak
- 3) Pick Up Zon di Putrajaya International Convention Centre (PICC)
 - (i) Basement Bangunan PICC, Presint 5 - 1,100 petak
 - (ii) TLK Terbuka di University Heriot Watt, Presint 5 - 300 petak
 - (iii) TLK Terbuka Taman Empangan, Presint 5 - 50 petak
- 4) Tempat Letak Kereta Kompleks E1 dan E2 Presint 1 (berhadapan Kompleks F) - 662 petak

#HKHM2023
#Merdeka360
#MalaysiaMADANI
#TekadPerpaduan
#PenuhiHarapan
#MalaysiaMERDEKA

 merdeka360



31 OGOS
2023

7.00 pagi

Dataran Putrajaya



Sambutan HARI KEBANGSAAN 2023

PENUTUPAN JALAN PADA 27 hingga 29 OGOS 2023 (RAPTAI)

🕒 5.00 PAGI SEHINGGA 11.00 PAGI 📍 Sekitar Dataran Putrajaya



- Persiaran Perdana dari Bulatan Putra
- Lebuhraya Saujana ke Persiaran Perdana dan ke Lebuhraya Wadi Ehsan
- Lebuhraya Wawasan ke Simpang Empat Kastam (Persiaran Perdana)
- Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan
- Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
- Jln P3F ke Persiaran Perdana
- Jln P2K ke Persiaran Perdana
- Jln P3C ke Persiaran Perdana
- Jln P2S ke Persiaran Perdana
- Jln P2W ke Persiaran Perdana
- Jln P2P ke Persiaran Perdana
- Lebuhraya Setia ke Persiaran Perdana
- Jalan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Bulatan Putra
- Lebuhraya Setia ke Jalan Perdana
- Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
- Jln Tun Hussein ke Lebuhraya Bestari
- Persimpangan Lebuhraya Saujana / Persiaran Perdana
- Lebuhraya Wadi Ehsan ke Persiaran Perdana


#HKHM2023 #Merdeka360 #MalaysiaMADANI #TekadPerpaduan #PenuhHarapan #MalaysiaMERDEKA
📱 📺 📷 merdeka360



Sambutan HARI KEBANGSAAN 2023

PENUTUPAN JALAN PADA 31 OGOS 2023

🕒 5.00 PAGI SEHINGGA 11.00 PAGI 📍 Sekitar Dataran Putrajaya



- Persiaran Perdana ke Laman Perdana
- Lebuhraya Saujana ke Simpang Empat Kastam (Persiaran Perdana)
- Lebuhraya Saujana ke Persiaran Perdana
- Lebuhraya Bestari ke Persiaran Perdana
- Jln Pembangunan dari arah Jalan Tun Abd Razak dan Jln Permodenan
- Jln Kemerdekaan ke arah Persiaran Perdana
- Jln Tun Abd Razak ke Lebuhraya Wawasan
- Jln Tuanku Abd Rahman ke Lebuhraya Wawasan
- Jln P3F ke Persiaran Perdana
- Jln P2K ke Persiaran Perdana
- Jln P3C ke Persiaran Perdana
- Jln P2S ke Persiaran Perdana
- Jln P2W ke Persiaran Perdana
- Jln P2P ke Persiaran Perdana
- Lebuhraya Setia ke Persiaran Perdana
- Dari Jalan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Bulatan Putra
- Lebuhraya Setia ke Persiaran Perdana
- Jln Perpaduan ke Lingkaran Gemilang 1
- Jln Tun Hussein ke Lebuhraya Bestari
- Persimpangan Lebuhraya Saujana/ Persiaran Perdana
- Lebuhraya Sentosa ke Persiaran Perdana
- Lebuhraya Wadi Ehsan ke Persiaran Perdana

#HKHM2023 #Merdeka360 #MalaysiaMADANI #TekadPerpaduan #PenuhHarapan #MalaysiaMERDEKA
📱 📺 📷 merdeka360